



**KENYATAAN MEDIA  
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI JOHOR**

**PEMBERIAN REBAT CUKAI TANAH 2020-2022 DI SELURUH  
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM  
TEMPOH BAYARAN CUKAI**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Datuk Haji Hasni bin Mohammad telah mengumumkan pemberian rebat kepada semua pemilik hartanah di Johor dalam ucapan penggulungan Rundingan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020 pada Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 pada 13 September 2020.

Pemberian rebat cukai tanah mengikut tahun adalah sebagaimana berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>PERATUSAN REBAT</b>
2020	15%
2021	10%
2022	5%

- Pembayaran cukai akan menikmati pemberian rebat sebanyak 15% pada tahun ini mulai 1 Oktober 2020.
- Tempoh bayaran cukai tanah dilanjutkan hingga 14 disember 2020 dan denda lewat cukai tanah semasa akan dikenakan bermula 15 Disember 2020.
- Bagi pemilik yang tidak menjelaskan cukai tanah semasa tahun 2020 bermula 15 Disember 2020, cukai tanah tersebut akan dikira sebagai tunggakan dan denda lewat dikenakan, mulai 15 Disember 2020.
- Tiada pemberian rebat 15% akan diberikan kepada pembayar cukai tanah yang menjelaskan selepas 14 disember 2020.
- Bagi pembayar cukai tanah yang telah menjelaskan bayaran cukai pada tahun 2020, lebihan bayaran akan dikreditkan ke tahun berikutnya. Ini bermakna pada tahun 2021 rebat yang diterima adalah sebanyak 25%.
- Bagi menikmati pemberian rebat pada tahun 2021 dan 2022, semua pemilik tanah perlu menjelaskan cukai tanah tahun berkenaan sebelum atau selewat-lewatnya pada 31 Mei.